



Berita

BK K K U I M

SESI 2002/ 2004

K A N D U N G A N

- BK K K U I M untuk Menjaga
Kebajikan Kakitangan ... 1
Penghargaan ... 1
Dari Editor ... 2
Prof. Dato' Dr. Mohamed
Asin bin Dollah
Timbalan Rektor
(Akademik & Penyelidikan)
yang Baru ...2
Senarai AJK3
Petua Mengurus Belanjawan
Bijak ... 3
Pesan Imam al-Ghazali ...4
Mengenali Fobia ...4
Tips Kesihatan ... 4
Jasa YB. Dato' Dr. Abdullah
bin Muhammad ZinTetap
Dikenang Warga KUIM ...5
Takziah ... 5
Cara Mengawal Kanak-
kanak Lasak ...5
Re-engineer Yourself for Succes
...6
Kelebihan Berfikiran Positif
...6
KUIM Sertai Sukan
Kakitangan Antara Universiti
... 7
Jamuan Hari Raya KUIM
Anjuran BK K K U I M Meriah
... 7
Hari Keluarga KUIM Pupuk
Semangat Muhibbah ...8



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

BK K K U I M untuk Menjaga Kebajikan Kakitangan

Badan Kebajikan Kakitangan KUIM (BK K K U I M) mencipta sejarah apabila berjaya mengadakan Mesyuarat Agung kali pertamanya pada 22 hb Oktober 2002. Mesyuarat Agung yang dirasmikan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Pembangunan, Prof. Dr. Muhamad Bin Hj Alias sebagai wakil Rektor KUIM.

Kehadiran ahli-ahli mesyuarat yang menggalakkan di Mesyuarat Agung ini menunjukkan bahawa para ahli BK K K U I M mempunyai komitmen yang tinggi bagi bersama-sama memajukan BK K K U I M sebagai badan yang diberikan tanggungjawab menjaga kebajikan kakitangan KUIM.

BK K K U I M telah ditubuhkan oleh pihak pengurusan Universiti kerana menyedari bahawa sebuah badan perlu dibentuk bagi menjaga kebajikan kakitangan KUIM. Sehubungan itu, pihak pengurusan KUIM telah melantik Pendaftar KUIM, Tuan Hj Addenan Bin Hj Abd Rahman sebagai pengerusi Jawatankuasa Penaja BK K K U I M bagi sesi 2001/2002.

Jawatankuasa Penaja BK K K U I M ini dilantik oleh pihak pengurusan KUIM daripada kalangan kakitangan KUIM yang mewakili pihak pengurusan & professional; kakitangan akademik; dan juga kakitangan sokongan. Pada peringkat awalnya, Jawatankuasa Penaja ini bertanggungjawab dalam mengubal terma-terma perlembagaan BK K K U I M.

Pada peringkat awal kewujudan BK K K U I M beberapa program telah disusun oleh pihak jawatankuasa seperti Hari Keluarga bagi membolehkan kakitangan KUIM dapat berkumpul dan beramah mesra antara satu sama lain. Selain itu juga, pihak BK K K U I M turut memberikan sumbangan kepada kakitangan yang mendirikan rumahtangga; mendapat cahaya mata dan juga keluarga yang meninggal dunia. 🌟

Penghargaan

Bagi pihak Jawatankuasa Badan Kebajikan Kakitangan, Kolej Universiti Islam Malaysia (BK K K U I M), kami ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti yang banyak memberikan bantuan sama ada kewangan, moral dan sebagainya semasa kami menguruskan Badan Kebajikan ini. Selain itu juga, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan yang bekerjasama membantu dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kami. Pihak kami juga ingin memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kesalahan dan kekurangan semasa kami mentadbir BK K K U I M pada sesi 2002/2004. Semoga BK K K U I M akan dapat terus memainkan peranan dalam membantu menjaga kebajikan kakitangan hendaknya.

Ikhlas daripada

Jawatankuasa BK K K U I M Sesi 2002/2004

Dari Editor

Salam sejahtera, penerbitan Buletin BKKKUIIM merupakan sejarah bagi KUIM kerana bulletin ini adalah bulletin pertama yang dikeluarkan oleh Badan Kebajikan Kakitangan KUIM (BKKKUIIM) iaitu sebuah badan yang ditubuhkan untuk menjaga kebajikan warga KUIM.

Sebagai medium perantara antara BKKKUIIM dengan ahli-ahlinya, Buletin BKKKUIIM berharap dapat menyampaikan maklumat-maklumat terkini kepada warga KUIM tentang isu-isu yang berlaku sama ada di kampus atau pun di luar kampus.

Sehubungan itu, Buletin BKKKUIIM bermotokan 'maklumat untuk anda' iaitu bulletin yang dapat ditatapi untuk mendapatkan maklumat dan juga ilmu. Justeru, Buletin KUIM menyediakan beberapa ruangan khusus

untuk kakitangan KUIM seperti Infokhidmat, Motivasi, Pengurusan Kewangan Bijak sebagai ruangan tetap bagi dijadikan rujukan pengetahuan ahli-ahli BKKKUIIM.

Akhir kata, pihak saya berharap agar ahli-ahli BKKKUIIM yang mempunyai sebarang komen mengenai edisi sulung ini dapat memberikan ulasan kepada pihak editorial mempertingkatkan mutu penerbitan bagi edisi akan datang. Sokongan ahli-ahli BKKKUIIM amatlah dihargai agar Buletin ini dapat dimanfaatkan oleh kita bersama.

Salam hormat.

Mohd Asri Husain

Editor Buletin BKKKUIIM



Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin bin Dollah Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan) yang Baru



Badan Kebajikan Kolej Universiti Islam Malaysia (BKKKUIIM) bagi pihak kakitangan KUIM mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan perantikan Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah sebagai Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) yang baru mulai Mei 2004 menggantikan Y.B. Dato' Dr. Abdullah Bin Md Zin yang memegang portfolio sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Sekalung tahniah turut diucapkan kepada Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah di atas pengurniaan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P) 2004 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah Ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah.

Pengiktirafan tersebut membuktikan kemampuan beliau memberi sumbangan besar dalam bidang akademik khususnya pengajian Islam. Beliau yang juga Presiden Persatuan Alumni Fakulti Pengajian Islam (PAFPI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam UKM pada tahun 1980 seterusnya pada awal penubuhan KUIM beliau dilantik sebagai Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Beliau juga turut menyeru kepada warga KUIM untuk terus memberi kerjasama agar hasrat KUIM untuk muncul sebagai institusi pengajian agama terunggul di rantau ini akan menjadi kenyataan. Semoga Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah meneruskan kecemerlangan akademik dengan memperluaskan jaringan antarabangsa sebagai usaha memartabatkan KUIM di mata dunia. 🕌

Senarai AJK BKKKUIM Sesi 2002/ 2004

Pengerusi: En Muhammad Haizuan bin Rozali
Timbalan Pengerusi: En Abd Manan Bin Ismail
Setiausaha: Puan Dina Bt Imam Supaat
Penolong Setiausaha: En Mohd Asri Bin Hj Husain
Bendahari: En Zairul Hisham bin Ahmad Khulaimi

AJK

Puan Marina Bt Yusop
En Nur Ekmal Bin Buhary
En Mohd Irwan Bin Subri
En Mazlan Bin Nawang
En Muin Bin Yahaya
Juru Audit Dalam
Puan Siti Nurbaya Bt Ismail
En Hezan Shah Bin Zainuddin

Petua Mengurus Belanjawan Bijak

a) Mengapa perlu merancang kewangan?

Ramai di antara kita yang sering mengeluh kerana kekurangan wang. Baik mereka yang sudah bekerja puluhan tahun atau pun yang baru memulakan kerjaya. Apa yang berbeza ialah tahap keseriusan dan cara individu mengatasinya. Persoalannya mengapa? Jawapannya mudah, kurangnya kemahiran merancang kewangan. Setiap aktiviti yang dilakukan memerlukan perancangan teliti untuk menghasilkan impak yang maksimum termasuk merancang kewangan. Perancangan ini penting bagi memastikan setiap sumber yang diperolehi dapat digunakan dengan sebaik mungkin dan memenuhi keperluan asas kita sebagai manusia. Antara faedah yang diperolehi daripada kejayaan kita menguruskan kewangan secara bijaksana ialah;

- i) meningkatkan taraf kehidupan
- ii) membantu menggunakan wang secara teratur
- iii) memberi ruang mengumpulkan harta
- iv) menjamin kehidupan yang lebih selamat

b) Bagaimana merancang kewangan?

Sebelum merancang kewangan, setiap individu mesti mempunyai matlamat atau objektif penyimpanan kerana ini adalah motivasi terbaik untuk mendisiplinkan diri dengan sistem pengurusan kewangan yang bijak. Setiap individu mempunyai pelbagai matlamat. Justeru adalah penting untuk memastikan matlamat tersebut memenuhi ciri-ciri berikut;

- i) khusus
- ii) realistik
- iii) keutamaan

Ketiga-tiga faktor ini penting bagi membolehkan kita membuat penilaian secara bijaksana apabila membelanjakan setiap ringgit yang ada. Usaha ini memerlukan kita mempunyai komitmen yang tinggi dan tidak mudah terpedaya dengan pelbagai promosi yang ditawarkan. Keputusan yang bijaksana dalam perbelanjaan dapat mencerminkan rumahtangga yang stabil bagi memenuhi keperluan asas manusia dan juga keluarga tercinta.

c) Langkah mengurus kewangan yang bijaksana

Bagi membantu kita memulakan azam baru untuk menjadi pengurus kewangan rumahtangga yang bijaksana, beberapa langkah bolehlah diikuti seperti berikut;

1. Kenalpasti kategori perbelanjaan
2. Tetapkan perbelanjaan mengikut kategori
3. Pastikan perbelanjaan selari dengan objektif belanjawan
4. Rekodkan perancangan keperluan keluarga
5. Rekodkan segala perbelanjaan
6. Bandingkan perancangan perbelanjaan dengan perancangan sebenar
7. Berfikiran terbuka dalam segala kemungkinan

Sumber: petikan artikel ACCA Malaysia di Berita Minggu).

- Bersikap tawaduk dalam segala bentuk pergaulan
- Jangan terlalu suka bergurau dan bercanda
- Bersikap lemah lembut terhadap murid dan hendaklah kita dapat menyesuaikan diri atau mengukur kemampuan mereka.
- Hendaklah sabar dan teliti dalam mendidik murid yang kurang cerdas
- Janganlah kita keberatan menjawab 'aku kurang mengerti' jika memang belum mampu menjawab sesuatu masalah.
- Pusatkanlah perhatian kepada murid yang sedang bertanya dan memahami benar isi pertanyaannya.
- Terimalah alasan yang benar, sekalipun daripada pihak lawan

'Setiap orang daripada kamu adalah penjaga dan setiap penjaga bertanggungjawab terhadap apa yang dijaganya-Riwayat al-Bukhari dan Muslim

'Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya'-Al Isra, Ayat 36.

Sabda Rasulullah S.A.W.

'orang yang terbaik di kalangan kamu ialah orang yang lebih manfaatnya kepada manusia'

Mengenali FOBIA

1)	Keraophobia - Takut pada petir
2)	Gamaphobia - Takut pada perkahwinan
3)	Koniphobia - Takut pada debu
4)	Gynephobia - Takut pada wanita
5)	Leukophobia - Takut pada warna putih
6)	Alliumphobia - Takut pada bawang putih
7)	Latrophobia - Takut berjumpa doctor
8)	Misophobia - Takut pada kotoran
9)	Pediculophobia - Takut pada kutu
10)	Peladhophobia - Takut pada orang botak
11)	Pentheraphobia - Takut pada ibu mertua
12)	Klaustrophobia - Takut pada ruang tertutup
13)	Ailurophobia - Takut pada kucing
14)	Achluophobia - Takut pada tempat gelap
15)	Akrophobia - Takut pada tempat tinggi
16)	Bathonophobia - Takut pada kedalaman
17)	Anophobia - Takut pada segalanya

Untuk membantu kita mengetahui ukuran tubuh yang ideal ialah melalui formula 'Body Mass Index '(BMI). Pertubuhan Kesehatan Sedunia (WHO) telah menyarankan agar BMI 25 sebagai tahap normal bagi seseorang itu. Manakala BMI melebihi 30 dianggap sebagai petanda obesiti atau kegemukan.

$$\text{Formula pengiraan BMI} = \frac{\text{Berat}}{\text{Tinggi} \times \text{Tinggi}}$$

Berat badan (kg) dibahagikan dengan (tinggi x tinggi (m))

Contohnya:

Kiranya berat badan anda 70 kg dan tinggi anda 1.7 m maka pengiraanya seperti berikut;

$$70 \text{ kg dibahagikan dengan } 1.7 \text{ m} \times 1.7 \text{ m} = 24.22$$

Ini bermakna BMI anda sebanyak 24.22 dan ia berada pada paras normal.

Menurut Standard Panel Tenaga, kegemukan dan berat badan yang dikeluarkan oleh American Journal of Clinical Nutrition, beberapa kategori sebagai panduan mengukur BMI boleh diperolehi seperti berikut;

Kategori BMI	Penerangan
Kurang dari 20.0	Kurang berat badan
20 - 25	Berat badan ideal
25 - 30	Berlebihan berat badan
Lebih 30	Obesiti atau kegemukan



Jasa YB. Dato' Dr. Abdullah bin Muhammad Zin Tetap Dikenang Warga KUIM



Warga Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) merakamkan setinggi ucapan tahniah kepada YB. Dato' Dr. Abdullah Bin Md Zin, Mantan Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) di atas perlantikan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Bagi pihak kakitangan, Badan Kebajikan Kakitangan

KUIM (BKKKUIM) mengucapkan jutaan terima kasih kepada YB Dato' yang telah banyak menyumbang idea dan gagasan awal dalam penubuhan KUIM. Sumbangan besar beliau turut dirasai dalam membantu mempertingkatkan kecemerlangan akademik sehingga KUIM dikenali sebagai Institusi Pengajian Islam yang terunggul pada masa ini.

Mengimbas latar belakang YB Dato', beliau memulakan kerjaya sebagai guru di Kolej Islam Kelang pada tahun 1976 seterusnya pensyarah di beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam sehingga menjawat Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-1998-1999). Melalui usaha jitu beliau dalam pembangunan dakwah dan pemikiran Islam di Malaysia, maka beliau turut diberi kepercayaan menyandang beberapa jawatan antaranya Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (1998-2004), Ahli Jawatankuasa Perunding Syariah Muslim Consumers Association of Malaysia (1998-kini), Ahli Jawatankuasa Pemikir Majlis Agama Islam Melaka (1998-kini) dan Ahli Lembaga Penasihat (Advisory Board) Jurnal Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (2001- kini).

Takziah kepada Keluarga Allahyarham Tuan Sheikh Salim bin Sheikh Salleh



Semua warga Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) merakamkan ucapan Takziah kepada keluarga Allahyarham Tuan Sheikh Salim Bin Sheikh Salleh yang telah kembali ke Rahmatullah pada 20 Jun 2004. Kehilangan Allahyarham amat dirasakan bukan sahaja di kalangan kakitangan bahkan anak-anak murid beliau dalam dan di luar KUIM.

Allahyarham terlibat secara aktif menyumbang idea dan tenaga di peringkat awal penubuhan KUIM. Sepanjang berkhidmat di KUIM, beliau pernah memegang jawatan sebagai Pemangku Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU). Selain itu, gagasan membentuk Moto, Falsafah, Wawasan dan Misi KUIM turut mendapat buah fikiran beliau.

Al-Fatihah

Cara Mengawal Kanak-kanak Lasak

Mengurus kanak-kanak lasak juga satu cabaran bagi ibubapa tetapi masih ada cara untuk ibubapa mendidik anak cara mengawal diri mereka. Kanak-kanak mudah berasa bimbang kerana mereka tidak dapat menjangka apa yang bakal berlaku. Jika tiba masanya meninggalkan padang permainan dan simanja anda berguling-guling. Itu mungkin disebabkan dia tidak pasti apa yang bakal datang.

Secara baik, jelaskan padanya yang sudah tiba masa balik ke rumah untuk makan malam. Anda juga perlu ingat dengan kanak-kanak tidak cukup hanya dengan kata-kata. Anda boleh memberitahunya sesuatu tetapi dia tidak akan ingat sepanjang hari. Jika anda merancang melawat ibubapa atau mertua anda, tunjukkan gambar mereka kepada anak anda supaya si kecil tahu yang dia dalam perjalanan berjumpa datuk dan neneknya.

Semakin kanak-kanak menuju ke arah hidup berdikari, semakin mereka memerlukan sentuhan. Simanja anda mungkin mahukan anda mengusap belakangnya ketika hendak tidur. Bawa mainan ke dalam bilik dan biarkan dia leka dengan mainannya sementara menantikan anda bersiap.

Apabila menghantarnya ke pusat asuhan, letakkan di atas lantai sehingga dia sendiri bangun menyertai rakan sebayanya. Cara ini mungkin melambatkan anda tetapi dapat mengelakkan anak anda marah dengan tiba-tiba.

Kanak-kanak sebenarnya belajar belajar untuk berdikari tetapi masih memerlukan asas kukuh, mengetahui yang mereka boleh dipercayai anda bersama mereka. Dengan cara itu, mereka lebih berdikari. Bagi menjadikan anak anda lebih berdikari, ada baiknya biarkan dia melakukan sendiri perkara-perkara kecil seperti memakai kasut. Walaupun lambat dan tidak sempurna, percubaan anak anda itu berbaloi.



Suasana dalam rumah juga dapat menyelamatkan anda dari selalu 'bergaduh' dengan si kecil untuk menjauhkannya dari barang dan tempat istimewa. Adakah kabinet dapur rumah anda rendah dan dipenuhi barangan plastik dan tin yang boleh dia jadikan mainan? Adakah mainan dan buku mudah dicapainya? Jadikan suasana rumah anda mesra kanak-kanak.

Jangan bimbang anak anda akan besar kepala jika anda memujinya. Jika dia lakukan sesuatu harganya dengan kata-kata seperti 'bagus'. Penting juga bagi anda untuk memastikan cara anda melabelkan si kecil. Kanak-kanak lasak memang degil, memenatkan atau manja juga. Gunakan label positif apabila berbincang mengenai anak anda dengan saudara mara dan guru.

Apabila anda memberi tumpuan kepada kekuatan dan bentuk positif kanak-kanak, ia menukar tabiat anda dan juga tabiat anak anda.

(Susunan Hazirah Che Sab, Berita Minggu)

Re-engineer Yourself for Success

Everyone wants to be successful in life-to be a winner. Success is our birthright but unfortunately many people end up taking their potential greatness with them to their graves. They sabotage themselves by succumbing to negative beliefs and drifting in life without a clear sense of direction.

Others cheat themselves of leading a more successful life by not exploiting fully their innate abilities. It is a generally accepted fact that the average person uses less than 10 percent of his or her potential. Similarly, many people stay within their comfort zone (and consequently, are contented) with mediocrity) due to the fear of failure.

What is success?. Why are some people more successful than others in numerous aspects of their lives. How can you avoid going to your grave with your best music still unsung?. Are there any practical and proven principles of success?

'Success' is a subjective concept; it means different things to different people. To some, success is equated with wealth and material possessions. To others, it is the attainment of good health, peace of mind or a happy family life. In general, success can be defined as the continuous process of attaining desired goals. Earl Nightingale defines it as 'the progressive realization of a worthy ideal'.

Make no mistake. Success is not a function of academic achievement, intelligence, heredity or luck. Winners are not born; they are made.

Success does not happen; it must be planned and managed. Based on my extensive reading of the success literature and ongoing interviews with local peak performers, there are 10 basic principles for success.


Self-renewal and Continuous Improvement
Strong and Solid Character
Flexibility
Self-Discipline
Superior Human Relations
Perseverance
Action-Oriented and
Well-Prepared
Focusing on One's Unique
Strengths of Talents
Definiteness of Purpose
Positive Self-Image

Kelebihan Berfikiran Positif

Ada banyak sebab mengapa kita mesti optimis atau sentiasa berfikiran positif. Antaranya, usia lebih panjang. Itulah kesimpulan yang diperolehi oleh sepasukan penyelidik dari Belanda apabila mendapati sebahagian warga tua yang berfikiran positif mempunyai pandangan hidup pada masa depan yang cerah dan hidup lebih lama. Sebelum ini, banyak kajian yang mengaitkan emosi negatif seperti kemurungan yang kronik dan berputus asa antara risiko meninggal dunia akibat penyakit-penyakit kardiovaskular dan sebagainya. Laporan yang didedahkan dalam Archives of General Psychiatry juga menemui sesuatu yang menakjubkan. Mereka yang berfikiran positif lebih cepat sembuh dengan rawatan perubatan jika mereka jatuh sakit. Selain itu, secara biologinya, berfikiran positif memberi kesan pada sistem pertahanan tubuh dan hormon.

Bos Perlu Tidur Cukup

Jika ada di kalangan majikan anda sering mempunyai mood yang tidak baik di tempat kerja, ada kemungkinan besar mereka tidak mendapat tidur yang secukupnya. Menurut kajian, satu perempat majikan di Britain yang tidak cukup tidur sering kali memekik kepada rakan-rakan sekerja kerana keletihan. Malah, golongan ini juga amat mudah melakukan kesilapan. Antara punca mereka kurang tidur ialah faktor anak-anak, bimbang dengan tekanan di tempat kerja dan pasangan yang berdengkur. Sehubungan itu, kajian tersebut mengalakkan supaya membenarkan mereka tidur sebentar di pejabat. 🛌



KUIM Sertai Sukan Kakitangan Antara Universiti

Buat pertama kalinya KUIM telah menghantar kontingen bagi menyertai Sukan Kakitangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kali ke 28 yang telah berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dari 17 hingga 25 April 2003. Kontingen KUIM telah disertai oleh seramai 40 orang atlet dan 2 urusetia. Secara keseluruhan pencapaian kontingen KUIM 2003 ditahap memuaskan. Ini kerana walaupun hanya menyertai tiga acara namun pasukan Ping Pong Lelaki berjaya melangkah ke peringkat suku akhir. Kontingen KUIM telah diberikan pujian atas pencapaian yang dipamerkan dan ini dilihat sebagai tanda kebangkitan KUIM untuk memberikan persaingan di masa akan datang.

Pada tahun 2004 pula iaitu Sukan Kakitangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kali ke 29 telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 18 hingga 24 April 2004. Kontingen KUIM telah menyertai 7 dari 18 acara yang dipertandingkan iaitu Bola Sepak, Boling Lelaki dan Wanita, Bola Jaring, Catur, Kerum, Olahraga dan satu acara jemputan iaitu Golf. Kontingen KUIM diketuai oleh Pendaftar KUIM, Tuan Hj Addenan Hj Abdul Rahman. Secara keseluruhannya pencapaian kontingen KUIM memuaskan pada temasya kali ini jika dibandingkan pada tahun pertama penyertaannya. Terdapat beberapa pasukan yang boleh dianggap mencapai keputusan yang boleh dibanggakan seperti pasukan Catur, Boling, Olahraga dan Golf yang masing-masing mencatatkan keputusan yang boleh diharapkan. Sementara pasukan Bola Sepak, Bola Jaring dan Kerum (penyertaan pertama kedua-dua pasukan) terkandas diperingkat saingan kumpulan.



Jamuan Hari Raya KUIM Anjuran BKKKUIM Meriah

Badan Kebajikan Kakitangan KUIM (BKKUIM) dengan kerjasama pihak pengurusan KUIM telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya bagi tahun 2004. Majlis Hari raya ini diadakan dengan tujuan meraikan Hari Raya Aidil Fitri sebagai salah satu hari kebesaran umat Islam. Selain itu ia juga diadakan bagi membolehkan semua kakitangan KUIM dapat berinteraksi dan kenal-mengenal di antara satu sama lain. Melalui program seperti ini juga, semua kakitangan akan dapat mengetahui perkembangan rakan-rakan daripada bahagian/unit lain dalam konteks yang tidak formal. Ini sudah tentu akan dapat mewujudkan perasaan muhibbah dan menyemai perasaan saling menghormati di antara satu sama lain.



Hari Keluarga KUIM Pupuk Semangat Muhibbah

Hari Keluarga merupakan program tradisi yang selalu dianjurkan oleh pelbagai organisasi sama ada kerajaan mahu pun swasta. Objektif utama bagi penganjuran program ini adalah untuk memberi ruang kepada semua kakitangan berkumpul dan mengikuti pelbagai acara yang diadakan secara bersama-sama.

Menyedari akan hakikat inilah maka BKKKUIM dengan kerjasama pengurusan Universiti telah menganjurkan Hari Keluarga Universiti bertempat di Taman Wetland, Putrajaya pada 23 Mei 2004. Objektif program adalah bagi membolehkan semua

kakitangan dapat bersama-sama mengadakan aktiviti-aktiviti riadah di luar waktu pejabat. Ini penting kerana aktiviti sosial ini bukan sekadar dapat mengurangkan tekanan kerja malah menjadi saluran tidak formal untuk



berinteraksi bagi semua kakitangan KUIM tanpa mengira peringkat. Selain itu juga, program ini telah dapat memberikan peluang untuk semua kakitangan berjumpa dan berinteraksi dengan ahli keluarga

rakan-rakan yang lain. Hubungan harmoni dan semangat muhibah seperti ini akan dapat memupuk budaya hidup bermasyarakat di kalangan semua warga kerja KUIM.

Program setengah hari ini telah berjaya menarik kakitangan KUIM hadir bersama ahli keluarga mereka. Selain itu juga, program ini turut dihadiri oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Shafie Bin Mohd Salleh iaitu suami kepada Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Y.Bhg. Prof. Datin'. Dr. Mizan Adilah Bt Ahmad Ibrahim.

Hari Keluarga ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamaed Yusof Bin Md Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah (LPU), KUIM. Dalam ucapannya, beliau melahirkan perasaan gembira kerana kehadiran ramai kakitangan KUIM pada hari itu telah membuktikan bahawa semangat muhibah dan perpaduan di kalangan warga kerja amatlah tinggi. Beliau juga menjelaskan



bahawa semua kakitangan adalah aset bagi KUIM bagi memastikan halatuju dan objektif penubuhan KUIM dapat direalisasikan kelak.

Pelbagai acara menarik telah disediakan oleh pihak BKKKUIM seperti Sukanika, pertandingan memancing, sukan air, pertandingan mewarna untuk anak-anak kakitangan, 'flying fox', dan juga cabutan bertuah. Semoga Hari Keluarga KUIM ini akan dapat diteruskan lagi pada tahun-tahun akan datang. 🍀

